

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 11 NOVEMBER 2014 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Pencapaian perbelanjaan program R&D bagi tempoh 2011-2013 kurang memuaskan – Audit	BERNAMA
2.	BioMalaysia berlangsung selasa dua hari	Harian Metro
3.	Pelajar perlu diberi pendedahan awal bidang sains, teknologi angkasa lepas	BERNAMA
4.	TPM bangunkan CSI halal pertama di dunia	BERNAMA
5.	Ketua Hakim Negara ketuai senarai penerima darjah kebesaran	BERNAMA
6.	Sektor industri digalak guna pakai sistem pengurusan alam sekitar ISO14001	BERNAMA
7.	Gempa bumi sederhana melanda Filipina	BERNAMA
8.	Heavy rain a blessing but 70% safe mark still needed	The Star

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 11 NOVEMBER 2014 (SELASA)**



## **Pencapaian Perbelanjaan Program R&D Bagi Tempoh 2011-2013 Kurang Memuaskan - Audit**

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Laporan Ketua Audit Negara 2013 Siri 3 mendedahkan pencapaian perbelanjaan Program Penyelidikan dan Pembangunan (Program R&D) bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), bagi tempoh 2011 hingga 2013 secara keseluruhan adalah kurang memuaskan.

Ini berdasarkan jumlah perbelanjaan sebenar yang dilakukan iaitu RM199.63 juta (56.1 peratus), berbanding peruntukan diluluskan RM355.95 juta.

Menurut laporan yang dibentangkan di Dewan Rakyat di sini Isnin, analisis Audit mendapati peratusan perbelanjaan pada 2011 telah mencapai 99.7 peratus manakala 2012 pula adalah 99 peratus.

Bagi tahun 2013, peratus perbelanjaan hanya mencapai 80.6 peratus, antaranya disebabkan Dana Inno mencatat peratusan perbelanjaan iaitu RM3.50 juta (14 peratus) berbanding peruntukan keseluruhan RM25 juta, yang menjadikan prestasi perbelanjaan keseluruhan pada 2013 lebih rendah berbanding 2011 dan 2012.

Selain itu, pencapaian fizikal pelaksanaan projek secara keseluruhannya adalah memuaskan iaitu sebanyak 81 daripada 130 projek (62.3 peratus) telah berjaya disiapkan mengikut jadual, manakala kemajuan projek dalam pelaksanaan adalah baik iaitu 927 daripada 1,018 projek (91.1 peratus) mengikut jadual yang ditetapkan setakat 31 Dis 2013.

Menurut laporan itu, sebanyak lima projek ditamatkan walaupun kerajaan telah membuat pembayaran dana berjumlah RM3.10 juta bagi projek tersebut, melibatkan tiga projek bagi Dana Sains dan dua projek bagi Dana Tekno.

Ia disebabkan kelemahan dalam pengurusan projek, kelemahan pemantauan kemajuan dan perbelanjaan projek oleh pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), perubahan skop projek, data penyelidikan yang diperoleh tidak signifikan untuk mencapai objektif projek serta penyelidik tidak berminat meneruskan projek atas faktor kesihatan dan ketiadaan kepakaran.

Selain itu, sehingga 22 Sep 2014, 16 daripada 89 institusi telah memulangkan baki peruntukan projek Dana Sains yang telah tamat kepada kementerian berjumlah RM836,206.51, manakala empat RMC memaklumkan tiada baki peruntukan bagi dana tersebut.

Dalam pada itu, tuntutan pembayaran bagi Projek iDOLA Fasa I (pengagihan komputer) berjumlah RM73,945 yang telah ditolak oleh **Mosti**, didapati telah dicajkan semula oleh **Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)** sebagai perbelanjaan di bawah Projek iDOLA Fasa II, yang meliputi pembayaran gaji, penyediaan makanan, tuntutan perbelanjaan, penginapan dan pembayaran tuntutan lain.

Audit mengesyorkan pengurusan perbelanjaan perlu dipertingkatkan untuk mengelak kelewatan dalam memproses bayaran pendahuluan kepada penerima dana dan YIM tidak sepatutnya mengenakan caj perbelanjaan yang tidak dibenarkan oleh Mosti dalam pelaksanaan Projek iDOLA Fasa I dengan menggunakan peruntukan Projek iDOLA Fasa II.

Peruntukan keseluruhan yang diluluskan bagi program R&D di bawah RMK-10 (2011 hingga 2015) adalah sebanyak RM2 bilion, menurut laporan itu.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (BISNES): MUKA SURAT 40**  
**TARIKH: 11 NOVEMBER 2014 (SELASA)**

**Kuala Lumpur:** Malaysia Biotechnology Corporation Sdn Bhd (Biotechcorp) terus membantu syarikat berstatus BioNexus memantapkan pemasaran mereka di pasaran tempatan menerusi pernangjuran BioMalaysia pada 19 dan 20 November ini.

Acara kali ke-12 diadakan itu yang berlangsung di Research Management Innovation Complex, Universiti Malaya adalah aktiviti tahunan dianjurkan oleh Biotechcorp bagi melaksanakan

## **BioMalaysia berlangsung selama dua hari**

pelbagai aktiviti berkaitan industri berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr Nazlee Kamal berkata, ketika ini terdapat 240 syarikat BioNexus yang mana dalam acara itu nanti terdapat 50 syarikat berkenaan memperkenalkan produk mereka dan menyertai padanan perniagaan dengan syarikat tempatan dan asing bagi tujuan penembusan pa-

saran menerusi program BioShoppe.

BioMalaysia 2014 yang membawa tema Rakan Untuk Inovasi, Pelaburan dan Pertumbuhan Bagi Industri Beraskan Bio turut memperkenalkan daya tarikan baru iaitu BioCareer & Bio Education 2014 yang memberi peluang kepada pelajar atau individu yang terbabit dalam industri berkenaan terus

memperkasakan modal insan bioteknologi Malaysia.

"Bagi yang bermintat menyertai BioCareer & Bio Education mereka boleh menghantarkan resume secara atas talian dalam laman web BiotechMalaysia sekali gus mendekatkan lagi industri bioteknologi kepada golongan muda," katanya pada taklimat media BioMalaysia di sini, semalam.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 11 NOVEMBER 2014 (SELASA)**



## **Pelajar Perlu Diberi Pendedahan Awal Bidang Sains, Teknologi Angkasa Lepas - Muszaphar**

ALOR SETAR, 10 Nov (Bernama) -- Pendedahan awal perlu diberikan kepada pelajar berkaitan bidang sains dan teknologi angkasa lepas bagi membolehkan negara melahirkan peserta utama dalam industri aeroangkasa.

Angkasawan Malaysia Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor berkata golongan pelajar perlu menguasai subjek Sains dan Matematik supaya ilmu diperoleh dapat digunakan bagi melahirkan lebih ramai pelapis-pelapis yang berminat dalam bidang sains dan teknologi angkasa lepas.

"Penekanan tentang kepentingan mempelajari subjek Sains dan Matematik perlu diberikan. Langkah yang perlu diambil Malaysia sekarang ialah memberi pendedahan awal kepada para pelajar ini dengan ilmu tentang teknologi angkasa untuk melahirkan pakar dalam bidang aeroangksa," katanya pada sidang media sempena Festival Sains di sini Isnin.

Katanya, bagi merealisasikan impian untuk memupuk minat pelajar dalam bidang sains dan teknologi angkasa lepas, **Pusat Sains Negara** yang ada di setiap negeri perlu memainkan peranan penting memberi pendedahan kepada masyarakat.

Sementara itu, **Ketua Cawangan Pusat Sains Negara Cawangan Wilayah Utara Marziana Abd Halim** berkata ini merupakan kali keempat Festival Sains diadakan bagi memberi pendedahan dan pengetahuan kepada rakyat Kedah berkaitan bidang sains teknologi dan inovasi.

"Sepanjang empat hari berlangsung festival ini kita akan sajikan pengunjung dengan pelbagai aktiviti berkaitan sains teknologi dan inovasi dan kita mahu jadikan Pusat Sains ini sebagai platform untuk mempromosikan ilmu sains dan teknologi," katanya.

Sementara itu, Amirah Nadhirah Fadzilan, 15, dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Agama Kedah berkata melalui Festival Sains itu banyak ilmu berkaitan sains dan teknologi angkasa lepas dapat dipelajari sekali gus menarik minatnya untuk mendalami bidang itu.

"Banyak ilmu yang saya dapat dan paling menarik apabila dapat mendengar pengalaman menarik Angkasawan Negara dan ini membuatkan saya lebih bersemangat untuk belajar dan mendalami bidang ini," katanya.

Muhammad Nazreen Firdaus Mohd Nizar, 15, dari sekolah sama berkata dia akan menggunakan ilmu yang diperoleh daripada festival ini dengan sebaik mungkin dan bercita-cita untuk menjadi doktor seperti Dr Sheikh Muszaphar.

Festival Sains 2014 itu berlangsung selama empat hari bermula 8 hingga 11 Nov ini di Pusat Sains Negara Gunung Keriang

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 11 NOVEMBER 2014 (SELASA)**



## **TPM Bangunkan CSI Halal Pertama Di Dunia**

**Oleh Kurniawati Kamarudin**

KUALA LUMPUR (Bernama) -- Kes jenayah terutama pembunuhan yang berjaya diungkai oleh pasukan CSI (Crime Scene Investigation) seperti yang ditonton sirinya di kaca televisyen cukup mengagumkan.

Setiap bahan bukti dari sekecil-kecil hingga sebesar-besarnya dicari dengan cukup teliti mengikut standard yang tinggi hingga menjadi satu dokumen yang cukup kukuh untuk membawa mereka yang terlibat ke muka pengadilan.

Kaedah yang sama juga dilakukan Polis Diraja Malaysia melalui unit CSI atau Forensik yang ditugas menyelesaikan setiap kes jenayah berat termasuk pembunuhan berprofil tinggi dengan tidak disangkal kreadibiliti mereka.

Konsep CSI itu menjadi sandaran kepada [\*\*Taman Teknologi Malaysia \(TPM\)\*\*](#) untuk membangunkan CSI (Contamination Scene Investigation) Halal yang pertama di Malaysia dan dunia bagi merungkai kes sijil halal yang didapati positif berlaku pencemaran DNA babi dalam produk.

### **KEYAKINAN KEPADA RAKYAT**

Melihat senario di Malaysia, isu halal masih menjadi perkara hangat yang diperbincangkan dalam kalangan masyarakat. Pastinya masih lagi segar dalam ingatan umat Islam di negara ini mengenai beberapa isu membabitkan produk yang diragui status halalnya.

Antara yang paling menarik perhatian ialah coklat Cadbury hingga menimbulkan kekeliruan dalam masyarakat mengenai status halal yang dimilikinya.

Dalam kes itu, keputusan analisis Kementerian Kesihatan bagi dua sampel coklat keluaran Syarikat Cadbury Confectionary (M) Sdn Bhd iaitu Cadbury Coklat Susu dan Kacang Hazel didapati positif mempunyai Asid Deoksiribonukliek (DNA) babi.

Bagaimanapun, keputusan itu disangkal melalui analisis [\*\*Jabatan Kimia\*\*](#), iaitu makmal yang diperakui Jabatan Kemajuan Agama Islam (Jakim) yang mengeluarkan status halal setelah mendapati tiada DNA babi dalam kedua-dua produk berkenaan.

Sudah pasti, keputusan berbeza ini membangkitkan persepsi negatif dalam kalangan masyarakat kepada pihak berwajib iaitu Jakim yang mengeluarkan sijil halal serta industri iaitu syarikat yang terbabit.

Namun, persepsi itu boleh diatasi sekiranya CSI Halal dapat digerakkan bagi merungkai kes itu untuk mencari kebenaran adakah produk itu benar-benar positif DNA babi atau sebaliknya serta mencari di mana punca sebenar sesuatu produk itu didapati positif DNA babi.

Sudah tiba masanya Malaysia mempunyai CSI halal bagi membantu pihak berwajib seperti Jakim membuat keputusan yang tepat dan dalam masa yang sama memberi manfaat kepada pihak industri, menurut Pengurus TPM Biotech., Nor Amin Mohd Noor.

Ini bagi membolehkan syarikat yang terbabit membersihkan nama mereka dengan mencari punca sebenar sama ada ia berlaku disebabkan sabotaj, kesilapan formula atau berlaku pencemaran dalam produk yang dijual di pasaran.

"Sekiranya dari laporan CSI yang dibuat didapati bersalah, pihak berwajib boleh mengambil tindakan yang sewajarnya dan masyarakat Islam akan merasa lebih yakin kerana terdapat satu siasatan yang menyeluruh ke atas produk dan syarikat itu", katanya kepada Bernama.

## **PENYESIATAN MENYELURUH**

Merangka penubuhannya sejak lebih empat tahun lepas, menurut Nor Amin beliau mendapat idea itu daripada siri CSI yang ditonton di televisyen.

Melihat bagaimana sesuatu kes itu dibongkar dan diselesaikan dengan cukup teliti membuatkan beliau terfikir sesuatu kaedah yang sama bagi menyelesaikan kes membabitkan halal.

Beliau yang berpengalaman luas dalam analisis makmal halal, kemudian merangka satu mekanisme yang boleh dijadikan panduan dalam siasatan CSI Halal.

Apabila sesuatu produk itu didapati positif mempunyai DNA babi, kumpulan CSI Halal boleh digerakkan menjalankan siasatan dengan melihat dari pelbagai sudut.

Antara perkara utama yang akan dicari dalam siasatan CSI Halal ialah mencari punca sesuatu produk itu didapati positif mempunyai DNA babi.

"Tiga elemen itu sabotaj, masalah di peringkat formula ataupun terdapatnya pencemaran dalam produk. Siasatan pula akan merangkumi semua peringkat secara terperinci dan menyeluruh", katanya.

Mengambil contoh unsur sabotaj, antara yang akan dilihat ialah dari mana sample itu diambil, siapa yang menghantar sample dan siapa yang mengambil sample itu untuk diuji.

Jika dari sudut formulasi pula, katanya, akan melihat sama ada syarikat itu mempunyai komuniti halal atau tidak kerana sekiranya mempunyai komuniti halal sudah pasti setiap bahan akan ditapis dan dipantau status kehalalannya sebelum memasuki kilang.

Jika tidak mempunyai komuniti halal, pakar dalam bidang formulasi akan menjalankan siasatan terperinci setiap bahan bagi adunan yang diguna.

## **PENCEMARAN**

Namun, bahagian yang paling mencabar ialah sekiranya didapati positif disebabkan pencemaran. Ia memerlukan kepakaran banyak pihak untuk mengesan dari mana punca pencemaran itu diperoleh, katanya.

"Seperti juga siasatan ke atas satu kes pembunuhan. Pastinya ketika pihak Forensik menemui mayat, belum dapat gambaran bagaimana kes itu berlaku dan di mana mangsa dibunuh. Ia memerlukan siasatan terperinci dengan melihat pelbagai kemungkinan", katanya.

Begitu juga siasatan kes halal, pelbagai kemungkinan akan dilihat seperti pencemaran di luar kawasan kilang terutama lori yang digunakan untuk menghantar produk itu.

"Semuanya akan diambil kira. Siapa yang bawa lori tersebut, siapa pemiliknya. Sebelum menghantar produk itu adakah pernah diguna untuk produk tidak halal yang mempunyai DNA babi. Jika ada, adakah ia disamak mengikut cara yang betul.

"Ia akan merangkumi perkara yang kecil hingga yang paling besar", katanya.

Selain di luar kawasan kilang, CSI Halal juga akan melihat kemungkinan berlaku di kawasan penyimpanan seperti gudang, stor atau mungkin disebabkan pembungkusan yang tidak berkualiti hingga membolehkan DNA babi melekat.

Setelah semua keputusan dari semua bahagian yang disiasat negatif, akhirnya CSI Halal akan masuk dan membuat pemeriksaan di makmal yang menjalankan analisis, yang menemui DNA babi dalam produk itu.

Tujuannya ialah untuk mengetahui apakah prosedur yang dilakukan ketika menjalankan analisis itu mengikut standard yang betul dan dilakukan oleh mereka yang benar-benar terlatih.

Apakah berlaku pematuhan standard operasi ketika menjalankan analisis itu. Semuanya akan diperincikan bagi mencari jawapan bagi setiap persoalan sehingga satu rumusan dapat diperoleh, katanya.

"Pemeriksaan itu merangkumi banyak sudut sehingga siasatan lengkap untuk diserahkan kepada pihak berwajib. Dengan adanya laporan ini, syarikat-syarikat dapat mempertahankan diri mereka yang kemungkinan tidak bersalah atau disabotaj", katanya.

## **KEKANGAN TPM**

TPM mempunyai makmal sains halal yang lengkap dengan berkemampuan mengendalikan lima kaedah analisis halal iaitu melalui ujian DNA, ujian ke atas kandungan alkohol, 'polipeptida' untuk produk berasaskan gelatin dan ujian ke atas 'triglicerid' - bagi pengemulsi.

Selain itu analisis atas bahan ester metil asid lemak bagi produk berasaskan minyak dan lemak, serta menawarkan kit ujian pesat memeriksa makanan dalam tin dan makanan haiwan.

Namun, tenaga pakar yang agak terhad iaitu hanya lapan orang menjadi kekangan kepada Makmal Sains Halal ini untuk digerakkan sepenuhnya sekiranya terdapat permintaan daripada pihak berwajib atau pihak tertentu untuk menyiasat melalui CSI Halal.

Mohd Nor Amin berkata Makmal Sains Halal TPM tidak boleh bergerak sendiri, sebaliknya memerlukan kerjasama kepakaran daripada institusi dan pihak lain terutama kepakaran dalam beberapa bidang yang berkaitan dalam siasatan antaranya pengangkutan, dalam bidang fomulasi dan bidang polisi.

Selain itu Standard Operasi juga perlu diwujudkan di setiap peringkat siasatan bagi memudahkan anggota yang menjalankan siasatan, katanya.

"CSI Halal adalah satu perancangan besar yang membabitkan banyak pihak. TPM telah mempunyai keseluruhan konsep itu, cuma pengisian di setiap point-point dalam siasatan yang memerlukan kepakaran pihak lain.

"Kita telah menerima maklum balas positif dan sudah ada pihak yang menyatakan persetujuan untuk bekerjasama", katanya yang menjangkakan tempoh lima tahun bagi melengkapkan CSI Halal di Malaysia.

Buat masa ini, perkhidmatan yang boleh diberikan ialah siasatan di peringkat asas sebelum mengorak langkah di peringkat lebih jauh.

"Masih banyak pihak yang tidak nampak lagi apa yang CSI Halal boleh berikan untuk membantu pihak berwajib dan industri.

"Sepertimana CSI bagi kes pembunuhan yang kehadirannya penting bagi merungkai setiap persoalan hingga menemukan jawapan, begitu juga CSI Halal yang dapat merungkai kes yang melibatkan produk halal", katanya.

## **KEPAKARAN TPM DIKTIRAF**

Bukan sahaja di Malaysia, Makmal Sains Halal TPM turut melebarkan sayap ke negara luar seperti Korea, Brunei dan China bagi memberi kepakaran mereka.

Pengurus Besar Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Perkhidmatan Korporat TPM, Zulkifli Fitri Ismail berkata industri halal yang sangat luas di seluruh dunia menyebabkan banyak negara mula melihat kepentingannya.

"Mereka memilih Malaysia kerana menyakini kepakaran yang ada kerana negara kita telah terlibat dalam pensijilan halal sejak lama.

"Kita dijemput membantu China bagi membangunkan Taman Teknologi Halal mereka, begitu juga di Korea yang meminta kepakaran kita untuk menubuhkan Makmal Sains Halal.

"Di Malaysia, kepakaran Makmal Sains Halal TPM juga diperakui dengan bekerjasama rapat dengan Jakim dan rakan-rakan industri", katanya.

Peruntukan sebanyak RM6 juta pada tahun lepas digunakan sepenuhnya bagi membangunkan Makmal Sains Halal secara menyeluruh.

"Sekarang kita sedang bangunkan teknologi untuk mengesan sama ada daging yang disembelih dan dijual di pasar dan pasar raya mengikut syariah atau tidak.

"Ini berdasarkan kebimbangan dan banyak isu berbangkit tentang isu penyembelihan yang diragui sejak kebelakangan ini", katanya.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 11 NOVEMBER 2014 (SELASA)**



## **Ketua Hakim Negara Ketuai Senarai Penerima Darjah Kebesaran**

KOTA BAHRU, 11 Nov (Bernama) -- Ketua Hakim Negara, Tun Arifin Zakaria mengetui senarai 630 penerima gelaran kebesaran, darjah kebesaran, bintang, pingat, surat kepujian dan pelantikan Jaksa Pendamai sempena Hari Keputeraan Sultan Kelantan Sultan Muhammad V ke-45 Selasa.

Pada istiadat penganugerahan di Istana Balai Besar di sini, Ariffin dianugerah Ahli Yang Pertama (Seri Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia (SPMK) daripada Sultan Muhammad V yang membawa gelaran Datuk Lela Negara.

Sebanyak 39 individu lain dianugerahkan pelbagai darjah kebesaran yang membawa gelaran Datuk, didahului Panglima Tentera Darat Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor yang merupakan penerima tunggal Ahli Yang Kehormat Yang Pertama (Seri Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia (SPMK).

Pengarah Halfmoon Bay Capital Limited Tan Sri Wan Azmi Wan Hamzah merupakan penerima tunggal untuk anugerah Ahli Yang Pertama (Seri Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Jiwa Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia (SJKM) yang turut membawa gelaran Datuk.

Sementara itu, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan Datuk Mohd Fauzi Mamat merupakan antara tiga individu yang menerima Ahli Yang Pertama (Seri Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (SPSK) yang membawa gelaran Datuk.

Sultan Muhammad V turut berkenan mengurniakan anugerah Ahli Yang Pertama (Seri Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (SPSK) yang membawa gelaran Datuk kepada Ketua Audit Negara Tan Sri Ambrin Buang.

Tujuh individu pula menerima anugerah Ahli Yang Kedua (Datuk Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Jiwa Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia (DJMK) yang membawa gelaran Datuk, iaitu Ketua Pegawai Eksekutif Wisma AZE Group Sdn Bhd Datuk Azham Zamiri Mohamad Satar; Pengarah Urusan P. Raman Nair Sdn Bhd Eh Ain@Chandra Sekaran A/L Parian Katte Raman Nair dan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif BIMB Holding Berhad Johan Abdullah.

Empat penerima DJMK yang lain ialah Pengarah Urusan A&D Printing Stationery Sdn Bhd Mohd Nasir Ab Ghani; Pengarah Pioneer Million Holding (M) Sdn Bhd Nik Mohd Zainal Abidin Nik Yusof; Pensyarah Jabatan Sains dan Bio Perubatan Kuliyyah Sains Kesihatan Bersekutu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Prof Dr Ridzwan Hashim dan Ketua Pegawai Pelaburan Permodalan Nasional Berhad Wan Roshdi Wan Musa.

Empat orang pula menerima Ahli Yang Kehormat Yang Kedua (Datuk Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Jiwa Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia (DJMK) yang membawa gelaran Datuk iaitu Pengarah Besar Felda Malaysia Datuk Faizoull Ahmad; Pengarah Urusan Kumpulan Widad Builders Sdn Bhd Datuk Wira Muhammad Ikmal Opat Abdullah; Ketua Pegawai Perbankan Runcit Bank Rakyat Ahmad Suhaimee Mohamed Yassin dan Pengarah Hasrat Asia (M) Sdn Bhd Ronald Christopher La Faber.

Sultan Kelantan turut menganugerahkan Ahli Yang Kedua (Datuk Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Kesateria Mahkota Kelantan Yang Amat Perkasa (DPKK) yang membawa gelaran Datuk kepada tiga penerima iaitu Panglima Markas 7 Brigid Brig Jen Ab Aziz Abdullah; Panglima Markas 4 Brigid (Mekanize) Brig Jen Ahmad Tajuddin Abdul Ghani dan Ketua Pegawai Staf Prinsipal ESSCOM Bahagian Perisikan Pertahanan Brig Jen Tuan Roslan Tuan Ismail.

Panglima Markas 2 Divisyen Mej Jen Datuk Mohd Shukuri Ahmad pula merupakan penerima tunggal Ahli Yang Kehormat Yang Kedua (Datuk Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Kesateria Mahkota Kelantan Yang Amat Perkasa (DPKK) yang membawa gelaran Datuk.

Sebanyak 13 lagi menerima Ahli Yang Kedua (Datuk Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Paduka Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (DPSK) yang membawa gelaran Datuk iaitu Timbalan Pengarah Cawangan Khas Bukit Aman DCP Datuk Zamri Yahya; Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Abu Bakar Mohd Yusoff; **Ketua Pengarah Jabatan Kimia Ahmad Ridzuan Ibrahim**; Duta Besar Malaysia ke Republik Turki Amran Mohamed Zin; Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan Mohd Arshad Ismail dan Pengarah Jabatan Audit Negara Sektor Audit Kerajaan Negeri Che Isa Che Kob.

Penerima lain ialah Pengarah Universiti Malaysia Kelantan Kampus Jeli Prof Dr Ibrahim Che Omar; Pakar Perunding Perubatan Klinik Pakar Perubatan HRPZII Dr Mahiran Mustafa; Ketua Jajahan Kota Baharu Nik Abdullah Nik Daud; Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Nazran Muhammad; Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri Nik Azman Nik Abdul Majid; Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan Serpudin Mohamad dan Ketua Pengarah Kementerian Belia dan Sukan Saari Salleh.

Lima penerima terakhir yang menerima gelaran Datuk bagi anugerah Ahli Yang Kehormat Yang Kedua (Datuk Paduka) bagi Darjah Kebesaran Paduka Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (DPSK) adalah Komander Unit Tindakan Khas Bukit Aman SAC Datuk Jamaludin Ibrahim; Ketua Pengarah Jabatan Sukarelawan Malaysia Datuk Mustafa Ibrahim; Pensyarah Perubatan Pusat Perkhidmatan dan Penyelidikan Neurosains Kampus Kesihatan USM Kubang Kerian Prof Dr Jafri Malin Abdullah; Ketua Penolong Pengarah D7 Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman SAC Roslee Chik dan Timbalan Pengarah Belanjawan (Perkhidmatan Awam) Zamzuri Abdul Aziz.

Baginda turut menganugerahkan Ahli Yang Ketiga (Taulan) Bagi Darjah Kebesaran Paduka Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia (PMK) kepada seorang penerima, lapan orang menerima Ahli Yang Ketiga (Taulan) Bagi Darjah Kebesaran Jiwa Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia (JMK), empat orang menerima Ahli Yang Ketiga (Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Kesateria Mahkota Kelantan Yang Amat Perkasa (PKK) dan 40 individu menerima Ahli Yang Ketiga (Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (PSK).

Sebanyak 81 orang pula menerima Ahli Yang Keempat (Bentara) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (BSK) dan 60 orang menerima Ahli Yang Kelima (Ahli) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (ASK).

Bagi penerima Bintang-Bintang pula, sebanyak 29 orang menerima Bintang Seri Mahkota Kelantan (SMK), 39 orang Bintang Seri Kelantan (SK) dan 82 orang Bintang Ahli Kelantan (AK) manakala 61 orang menerima Pingat Bakti (PB), 74 Pingat Setia Mahkota Kelantan (PS), 59 Pingat Taat (PT) dan 41 Pingat Perangai Baik (PPB).

Lima lagi menerima Surat Kepujian dan enam orang menerima Jaksa Pendamai.

Pada majlis hari ini, 240 menerima gelaran kebesaran, darjah kebesaran dan Jaksa Pendamai daripada Sultan Muhammad V manakala baki penerima yang lain akan diadakan pada tarikh lain.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 11 NOVEMBER 2014 (SELASA)**



## **Sektor Industri Digalak Guna Pakai Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001**

KOTA KINABALU, 10 Nov (Bernama) -- Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah menggalakkan sektor industri menggunakan pakai sistem pengurusan alam sekitar ISO 14001 yang komprehensif seterusnya memperoleh pensijilan melalui sistem itu.

Penolong Pengarah jabatan itu, Dr Jammy Gabriel berkata kewujudan sistem pengurusan alam sekitar di dalam sesebuah organisasi dapat meningkatkan kesedaran di kalangan majikan dan pekerja sekali gus mengurangkan kebergantungan pematuhan melalui penguatkuasaan.

"Pendekatan sistematik dan komitmen tinggi daripada majikan, penetapan objektif, sasaran dan program, penilaian melalui audit dalaman dan audit badan pensijilan akan dapat meningkatkan lagi tahap pematuhan industri secara kendiri," katanya di sini, Isnin.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan seminar Kesedaran Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001 & Keperluan Undang-undang anjuran jabatan itu bersama Niosh Certification Sdn. Bhd. Turut hadir Ahli Lembaga Pengarah NCSB Nik Hasbi Fathi Nik Husain Fathi.

Jammy berkata pihaknya amat menghargai usaha dan inisiatif NCSB dalam menjalankan kerjasama itu selain pihaknya akan memikirkan jalinan kerjasama lain pada masa depan.

Selain itu, katanya, jabatan juga mengalu-alukan pihak NCSB untuk membuat program-program sistem pengurusan sehingga ke tahap kompetensi di Sabah bagi membantu industri dan dalam masa yang sama mengurangkan kos majikan.

Terdahulu, Nik Hasbi Fathi berkata program kerjasama itu rentetan daripada Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani antara NCSB dan Jabatan Alam Sekitar dan Industri pada 2013 bagi meningkatkan kesedaran industri khususnya terhadap pentingnya melestari alam sekitar.

Beliau berkata berdasarkan statistik **Jabatan Standard Malaysia**, sebanyak 1,090 pensijilan sistem pengurusan alam sekitar, iaitu ISO 14001 dikeluarkan berbanding dengan 6,152 pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001, iaitu kurang daripada 20 peratus setakat Mac 2014.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 11 NOVEMBER 2014 (SELASA)**



## **Gempa Bumi Sederhana Melanda Filipina**

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Satu gempa bumi sederhana berukuran 5.2 pada skala Richter melanda wilayah kepulauan Filipina pada 12.41 tengah pada Isnin, kata Jabatan Meteorologi Malaysia.

Pusat gempa bumi itu ialah 139km di timur laut bandar raya Gingoog, Filipina dan 1,077km di timur laut Kinabatangan, Sabah.

Bagaimanapun, gempa itu tidak membawa ancaman tsunami, kata jabatan itu dalam satu kenyataan.

-- BERNAMA

## Heavy rains a blessing but 70% safe mark still needed

By TASHNY SUKUMARAN  
tashny@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** The Sungai Selangor dam – the state's largest – has breached the 50% reserve level mark, causing many across the Klang Valley to breathe a sigh of relief.

According to the Selangor Water Management Authority (Luas), the dam – which at press time was at 52.2% – hit the 50% mark on Friday.

Luas has attributed the positive change to the recent heavy rains.

However, Selangor may not be out of the woods yet.

This year's trials of dry days, water rationing and poor water pressure

may be repeated next year if the dam, which services over 60% of the Klang Valley, does not hit the 70% safe mark by 2015.

Forum Air Malaysia, an organisation formed to assist the National Water Services Commission, said that while the levels were considered good news, the authorities should not be satisfied with this.

"Our projection is for 70% – if the current weather continues, hopefully we can reach that by the end of this year," said Forum Air senior executive Foon Weng Lian, who is also Water and Energy Consumer Association of Malaysia secretary-general.

Asked if a higher reserve level meant an end to the days of water rationing, Foon said it was hard to say.

"Hopefully by next year the Government's water diversion project will take off so we will be safe. But who knows during the drought."

He urged the Government to make use of the situation by carrying out a large-scale continuous awareness programme, underlying the importance of saving water and protecting water catchment areas.

"We hope that the recent water crisis had opened up the eyes of consumers.

"It was a good wake-up call. Now you can see more people have started collecting rainwater to do simple chores."

Thanks to the heavy rains, the Sungai Selangor dam has been slowly but steadily filling up.

It reached 40% in early October – the first time it did so after nearly five months.

Meteorological Department spokesman Dr Hisham Mohd Anip said that the recent heavy rains were expected to continue until early January.

"After that, we expect dry weather until the middle of March," Dr Hisham said.